

KUALA LUMPUR, 15 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PETRONAS AKAN MENINGKATKAN PENGELUARAN MINYAK MENTAHNYA SEBANYAK 10,000 TONG LAGI SEHARI BAGI MEMENUHI PERMINTAAN NEGARA-NEGARA YANG BERGANTUNG KEPADA MINYAK DARI IRAQ DAN KUWAIT.

PERDANA MENTERI BERKATA, MESYUARAT KABINET HARI INI MEMUTUSKAN SUPAYA MENINGKATKAN PENGELUARAN MINYAK UNTUK BEKALAN SEBANYAK 5,000 TONG KEPADA NEGARA-NEGARA ASEAN DAN 5,000 TONG LAGI KEPADA NEGARA-NEGARA BUKAN PENGELUAR MINYAK YANG LAIN.

PENINGKATAN PENGELUARAN INI DIBUAT BAGI MEMENUHI PERMINTAAN NEGARA-NEGARA ITU ATAS DASAR PERI KEMANUSIAAN, KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA PADA MAJLIS MERAIKAN ANAK ANGKAT PALESTIN DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

MALAYSIA KINI MENGELUARKAN 595,000 TONG MINYAK SEHARI.

SEMALAM, PETRONAS TELAH MEMUTUSKAN PADA MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSANNYA UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN MINYAK MENTAHNYA DAN KEPUTUSAN ITU DISERAHKAN KEPADA KABINET UNTUK DIBINCANGKAN HARI INI.

SEMASA DITANYA SAMA ADA HARGA MINYAK AKAN DINAIKKAN DI NEGARA INI BERIKUTAN KRISIS DI TELUK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KENAIKAN HARGA MINYAK TIDAK DAPAT DIELAKKAN KERANA MINYAK DARI NEGARA INI KEMUNGKINAN DISELUDUP KE LUAR NEGERI JIKA HARGA BAHAN INI MURAH. -- LAGI.

1940MST 15 08 90

U B838 AAB

MAHATHIR - MINYAK 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

BELIAU BERKATA, BAGAIMANAPUN BUAT MASA INI BELUM LAGI DIPUTUSKAN UNTUK MENAIKKAN HARGA MINYAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, HARGA MINYAK PERLU MENGIKUT HARGA PASARAN JIKA TIDAK NEGARA AKAN MENANGGUNG BEBAN.

MENGENAI UMRAH, PERDANA MENTERI MENASIHATKAN MEREKA YANG INGIN MENERJAKAN UMRAH TAHUN INI SUPAYA MENANGGUHKAN PEMERGIAN BUAT SEMENTARA WAKTU MEMANDANGKAN PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DI TELUK WALAUPUN KRISIS SEBENAR TIDAK BERLAKU DI ARAB SAUDI.

+KITA TIDAK BOLEH MENGHALANG MEREKA DARIPADA MENERJAKAN UMRAH TETAPI HANYA MENASIHATKAN MEREKA SUPAYA MENANGGUHKAN PEMERGIAN WALAUPUN TEMPAT KRISIS ITU BERLAKU JAUH DARI ARAB SAUDI.

BELIAU BERKATA, PARA PEGAWAI WISMA PUTRA DI ARAB SAUDI MENANG SENTIASA MELAPORKAN TENTANG KEADAAN DI NEGARA BERKENAAN DAN BUAT MASA INI TIDAK ADA PERKARA YANG MEMBIMBANGKAN TETAPI RAKYAT MALAYSIA DINASIHATI MENANGGUHKAN PEMERGIAN UNTUK MENERJAKAN UMRAH. -- LAGI.

MENGENAI NASIB 140 RAKYAT MALAYSIA YANG TERKANDAS DI KUWAIT, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAYSIA AKAN MENGHANTAR PESAWAT MAS UNTUK MEMBAWA MEREKA PULANG SEBAIK SAHAJA MEREKA TELAH DIKUMPULKAN DI AMMAN, JORDAN.

KATANYA, MALAYSIA AKAN BERUSAHA MEMBAWA MEREKA BALIK SECEPAT MUNGKIN TETAPI TIDAK ADA TARIKH TERAKHIR UNTUK MEMBAWA MEREKA PULANG.

MENGENAI MAJLIS PERUNDING PENDIDIKAN NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA, KABINET HARI INI TELAH MENYETUJUI SENARAI NAMA-NAMA ANGGOTA MAJLIS ITU DAN TELAH DISERAHKAN KEPADA MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM.

SENARAI ANGGOTA MAJLIS ITU MELIPUTI PARA ANGGOTA DARIPADA PELBAGAI PERTUBUHAN TERMASUK PARTI POLITIK, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA.

2023MST 15 08 90